

PERATURAN KEJOHANAN OLAHRAGA MSSD TANGKAK 2025

1. UNDANG-UNDANG

Kejohanan ini dijalankan mengikut Undang-Undang World Athletics Edisi 2025, Peraturan-Peraturan Am Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Johor (MSSJ) Edisi 2025 dan Peraturan Pertandingan Kejohanan Olahraga MSSD TANGKAK tahun 2025.

2. ACARA-ACARA DAN UKURAN SERTA TIMBANGAN BERAT ALATAN PERTANDINGAN

Kod	Acara/ Peringkat Umur	LELAKI			PEREMPUAN		
		18	15	12	18	15	12
01	100 meter	X	X	X	X	X	X
02	200 meter	X	X	X	X	X	X
03	400 meter	X	X		X	X	
04	800 meter	X	X		X	X	
05	1500 meter	X	X		X	X	
06	3000 meter	X	X		X (Terbuka)		
09	80 m Lari Berpagar			X 76.2cm			X 76.2cm
10	100 m Lari Berpagar				X 76.2cm	X 76.2cm	
11	110 m Lari Berpagar	X 91.4cm	X 83.8cm				
12	200 m Lari Berpagar		X 83.8cm			X 76.2cm	
13	400 m Lari Berpagar	X 83.8cm			X 76.2cm		
15	2000 m Lari Berhalangan	X 83.8cm	X 76.2cm		X (Terbuka) 76.2cm		
18	3000 m Jalan Kaki					X	
19	5000 m Jalan Kaki		X		X		
20	10000 m Jalan Kaki	X					
21	Lompat Tinggi	X	X	X	X	X	X
22	Lompat Jauh	X	X	X	X	X	X
23	Lompat Kijang	X	X		X	X	
24	Lombol Bergalah	X (terbuka)			X (terbuka)		
25	Lontar Peluru	X 5.00kg	X 4.00kg	X 2.72kg	X 3.00kg	X 3.00kg	X 2.72kg
26	Lempar Cakera	X 1.5kg	X 1.0kg		X 1.0kg	X 1.0kg	
27	Merejam Lembing	X 700g	X 600g	X 500g	X 500g	X 500g	X 500g
28	Baling Tukul Besi	X (terbuka) 5.0kg			X (terbuka) 3.0kg		
37	Heptathlon				X (terbuka)		
38	Oktathlon	X (terbuka)					
41	4 x 100 m	X	X	X	X	X	X
42	4 x 200 m			X			X
44	4 x 400 m	X	X		X	X	
45	4 x 400 m Campuran	Terbuka			Terbuka		
JUMLAH		22	18	9	22	16	9

* Heptathlon: Hari Pertama - 110 m LP, Lompat Tinggi, Lontar Peluru, 200m
: Hari Kedua - Lompat Jauh, Rejam Lembing, 800m

- * Oktathlon : Hari Pertama – 100 m, Lompat Jauh, Lontar Peluru, 400 m
: Hari Kedua - 110 m LP, Lompat Tinggi, Rejam Lembing, 1500 m
- * 80 m lari berpagar : Jumlah Pagar - 8 buah
Jarak Permulaan ke pagar 1 - 12 meter
Jarak antara pagar - 8 meter
Jarak Pagar ke Penamat - 12 meter
Catatan angin diambil selama 13 saat selepas permulaan.
- * 200 m lari berpagar : Jumlah Pagar - 5 buah
Jarak Permulaan ke pagar 1 - 20 meter
Jarak antara pagar - 35 meter
Jarak Pagar ke Penamat - 40 meter
Catatan angin diambil selama 10 saat selepas pelari pertama masuk ke laluan lurus.

*** Salah Mula**

Untuk kategori **bawah 12 sahaja** dan **acara bercampur**, peserta yang melakukan salah mula kali pertama tidak akan dikeluarkan. Amaran akan diberikan kepada semua peserta. Mana-mana peserta yang melakukan salah mula selepas itu dan seterusnya akan dikeluarkan dari pertandingan.

3. HADIAH-HADIAH

- 3.1 Acara Individu sehingga 1500m : Pertama, kedua dan ketiga
- 3.2 Acara Individu 2000 meter dan keatas serta acara bercampur : Pertama, kedua, ketiga, keempat, dan kelima.
- 3.3 Acara berpasukan : Enam (6) pingat akan diberi kepada setiap pasukan yang berjaya di tempat pertama, kedua dan ketiga.

4. CARA PERTANDINGAN

4.1 Setiap MSSD dibenarkan mendaftar tidak lebih daripada 2 orang peserta bagi tiap-tiap acara individu dan satu pasukan sahaja bagi tiap-tiap acara lari berganti-ganti.

4.2 Bilangan maksimum penyertaan dan tahun lahir seseorang peserta adalah seperti berikut:

<u>Umur</u>	<u>Individu</u>	<u>Lari Berganti-ganti</u>	<u>Tahun Lahir</u>
18 tahun	3	2	2007, 2008, 2009
15 tahun	3	2	2010, 2011, 2012
12 tahun	2	2	2013 ke atas

4.3 Peserta acara bercampur tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam acara individu yang lain.

4.4 Acara terbuka dibenarkan hanya untuk peserta-peserta bawah 18 dan bawah 15 sahaja.

5. PENDAFTARAN PESERTA-PESERTA

5.1 Pendaftaran peserta dan acara yang diambil hendaklah dibuat sebelum **11.6.2025**, jam **2.00 petang**, atas BORANG MASUK Secara Online di laman web <http://www.jsports.com.my/olahraga/mssdtangkak/daftar> yang dihantar kepada Jawatankuasa pengelola. Sila daftar peserta yang difikirkan perlu untuk penggantian untuk acara lari berganti-ganti :-

- 5.1.1 Nama (mengikut Kad Pengenalan/Sijil Lahir)
- 5.1.2 Nombor Kad Pengenalan/ Sijil Lahir
- 5.1.3 Tarikh Lahir
- 5.1.4 Nama Penuh Sekolah
- 5.1.5 Acara-acara yang disertai
- 5.1.6 Nombor badan peserta tersebut (seperti perkara 16)

- 5.2 Borang pendaftaran rasmi peserta, iaitu borang M01 untuk peserta sekolah menengah dan R01 untuk peserta sekolah rendah hendaklah diisi lengkap **berserta gambar terkini peserta** dan disahkan oleh Pengetua/Guru Besar atau pentadbir sekolah peserta berkenaan. Borang ini hendaklah diserahkan kepada pengelola sebelum kejohanan bermula.
- 5.3 Salinan kad pengenalan untuk peserta sekolah menengah dan salinan sijil kelahiran/MyKid untuk peserta sekolah rendah yang disahkan oleh Pengetua/Guru Besar atau pentadbir sekolah peserta berkenaan hendaklah diserahkan kepada pengelola sebelum kejohanan bermula.
- 5.4 Semua peserta sekolah menengah hendaklah bersedia untuk mengemukakan kad pengenalan asal jika diminta berbuat demikian oleh pihak pengelola. Kad pengenalan sementara (JPN.KPPK 09) juga diterima. Laporan polis kehilangan kad pengenalan adalah tidak diterima.
- 5.5 Salinan surat tawaran yang dicop tarikh melapor diri yang disahkan oleh pentadbir sekolah hendaklah disertakan bagi peserta dikalangan murid Tingkatan 6 dan Pra-Universiti.
- 5.6 Semua peserta yang didaftarkan hendaklah mempunyai **surat kebenaran ibubapa/penjaga** untuk mengambil bahagian dalam kejohanan ini.
- 5.7 Jawatankuasa Pengelola berhak menolak mana-mana penyertaan peserta yang tidak lengkap sebagaimana perkara di atas.
- 5.8 Pelajar di Sekolah Sukan Negeri (SSN), SMK Tun Hussein Onn boleh mewakili sekolah masing-masing. Walaubagaimanapun, segala kebajikan seperti tambang dan makanan pelajar yang terlibat adalah menjadi tanggungjawab sekolah yang berkenaan.
- 5.9 Sebarang masalah yang berkaitan dengan kelayakan peserta hendaklah dirujuk kepada Peraturan Am MSSJ 2025.

6. PENGESAHAN PESERTA-PESERTA

6.1 Mesyuarat Pengesahan Peserta dan Penarikan Diri

- 6.1.1 Sesi Pengesahan akan dijalankan oleh Jawatankuasa Pengelola pada **12 Jun 2025, jam 10.00 pagi** di **SK Ledang, Tangkak** (tertakluk kepada perubahan). Semua Pengurus Pasukan atau wakilnya dikehendaki hadir sama membuat pengesahan tersebut. Pengurus atau wakil pasukan yang tidak hadir akan dianggap bersetuju dengan segala keputusan mesyuarat.
- 6.1.2 Semua nama peserta yang akan mengambil bahagian dalam semua acara hendaklah **DISAHKAN** selewat-lewatnya pada mesyuarat pengesahan tersebut.
- 6.1.3 **Hanya penarikan diri peserta sahaja yang dibenarkan semasa mesyuarat tersebut.** Penarikan diri selepas mesyuarat pengesahan adalah tertakluk kepada peraturan 6.2.

6.2 Penarikan Diri Semasa Kejohanan dijalankan.

- 6.2.1 Jika didapati seseorang peserta yang telah mendaftarkan diri tidak mengambil bahagian dalam sesuatu acara, maka peserta itu dianggap sebagai menarik diri tanpa sebab. Oleh yang demikian, peserta tersebut tidak dibenarkan menyertai lagi acara-acara yang didaftarkan atas namanya termasuk acara lari berganti-ganti.
- 6.2.2 Seseorang peserta yang menarik diri daripada mana-mana acara selepas mengambil bahagian dalam pusingan awal tanpa surat pengesahan daripada Pegawai Perubatan adalah dianggap sebagai menarik diri daripada semua acara seterusnya yang didaftarkan atas namanya termasuk acara lari berganti-ganti.

- 6.2.3 Seseorang peserta yang menarik diri daripada mana-mana acara atas sebab kesihatan, hanya boleh mengambil bahagian dalam acara-acara yang berikutnya dengan syarat peserta tersebut mengemukakan surat pengesahan daripada Pegawai Perubatan kepada Pengurus Kejohanan.

6.3 Penggantian Dalam Acara Lari Berganti-ganti.

- 6.3.1 Bagi acara lari berganti-ganti, tiada had penggantian peserta bagi peringkat Separuh Ahir dan Akhir yang didaftarkan dalam Borang Pengesahan Lari Berganti-ganti Rasmi. Walaubagaimanapun jumlah hadiah adalah tertakluk kepada perkara 3.3.
- 6.3.2 Borang Pengesahan Lari Berganti-ganti hendaklah diserahkan kepada Bilik Panggilan semasa melapor diri pada panggilan pertama acara tersebut dijalankan, sama ada untuk peringkat Separuh Akhir ataupun peringkat Akhir. Giliran pelari hendaklah juga dinyatakan pada borang tersebut.
- 6.3.3 Jika pasukan MSSD menarik diri tanpa sebab dalam acara lari berganti-ganti, peraturan 6.2 akan diguna pakai.
- 6.3.4 Bagi acara 4x400 m campuran : Susunan pelari adalah mengikut :
Lelaki - Perempuan - Lelaki - Perempuan

7. MELAPORKAN DIRI

- 7.1 Semua peserta mesti melaporkan diri kepada Hakim Bilik Panggilan seperti jadual di bawah sebelum waktu acara berkenaan dijadualkan berlangsung. Selepas itu, mereka akan diiringi ke tempat pertandingan Marshall Pertandingan.

ACARA	MASA LAPOR DIRI SEBELUM ACARA BERMULA	MASA BERGERAK KE ARENA. SEBELUM ACARA BERMULA
Balapan	20 minit	10 minit
Lontaran, L.Jauh, L.Kijang	30 minit	20 minit
Lompat Tinggi	55 minit	45 minit
Lompat Bergalah	70 minit	60 minit

- 7.2 Peserta-peserta tidak dibenarkan melaporkan diri terus kepada pegawai teknik dalam arena pertandingan.

- 7.3 Hebahan tentang panggilan peserta-peserta untuk melaporkan diri bagi acara-acara mereka tidak akan dibuat. Maklumat meminta peserta melaporkan diri akan disiarkan di satu tempat di bilik panggilan peserta. Hebahan hanya dibuat sekiranya terdapat sebarang pertukaran dalam susunan acara atau program.

- 7.4 Peserta-peserta hendaklah berpakaian lengkap; nombor sebagaimana dalam daftar dan mesti disematkan dengan pin pada tiap-tiap sudut.

- 7.5. Jika peserta memakai seluar pendek dan seluar aerobik di bahagian dalam, warna kedua-duanya hendaklah sama atau hampir sama.

- 7.6 Peserta bagi acara berjalan kaki dibenarkan untuk memakai seluar aerobik sehingga paras buku lali.

- 7.7 Peserta-peserta yang lewat melaporkan diri, iaitu selepas masa melapor diri rasmi yang ditetapkan, tidak dibenarkan mengambil bahagian dan dianggap telah menarik diri.

8. MEMANASKAN BADAN, ATURCARA MASUK/KELUAR ARENA PERTANDINGAN

- 8.1 Peserta-peserta hanya dibenarkan memanaskan badan di tempat yang ditetapkan.
- 8.2 Peserta-peserta acara balapan hendaklah bersedia dengan pakaian dan kasut untuk bertanding apabila bergerak dari bilik panggilan ke arena pertandingan. Tidak dibenarkan membawa beg, memakai baju, seluar dan kasut lain selain dari yang digunakan untuk bertanding.
- 8.3 Peserta-peserta acara padang dibenarkan membawa masuk beg, memakai baju, seluar dan kasut lain selain dari yang digunakan untuk bertanding. Barang yang terdapat dalam beg tersebut hanyalah mengandungi barang-barang yang dibenarkan mengikut peraturan (Contoh : telefon bimbit tidak dibenarkan dibawa ke arena pertandingan)
- 8.4 Peserta-peserta hendaklah berbaris apabila dibawa masuk dan keluar daripada arena pertandingan diiringi oleh Marshall Pertandingan.
- 8.5 Untuk acara balapan, selepas sesuatu acara itu tamat, peserta-peserta hendaklah berpusing balik dan mengadap hakim-hakim balapan untuk menunjukkan nombor mereka dan balik ke tempat peserta dengan serta merta tanpa memasuki padang.

9. BLOK PERMULAAN (Starting Blocks)

- 9.1 Bagi acara-acara bawah 18 dan 15 yang tersebut dibawah, mulaan dekam (crouch start) dan blok permulaan (starting blocks) hendaklah digunakan :
100 meter, 200 m, 400 m, 80 m lari berpagar, 100 m lari berpagar, 110 m lari berpagar, 200 m lari berpagar, 400 m lari berpagar, 4 x 100 m, 4 x 200 m dan 4 x 400 m.
- 9.2. Bagi acara sebagaimana (9.1) untuk bawah 12, mulaan dekam (crouch start) mesti digunakan, tetapi penggunaan blok permulaan (starting blocks) adalah atas pilihan peserta itu sendiri.

10. PAKU KASUT DAN PERALATAN

- 10.1 Paku kasut : Kejohanan ini akan diadakan di atas balapan jenis sintetik. Panjang maksimum paku kasut tidak boleh melebihi 9 mm kecuali untuk acara lompat tinggi dan rejam lembing. Untuk kedua-dua acara tersebut paku kasut tidak boleh melebihi 12 mm.
- 10.2 Peralatan: Pihak pengelola akan menyediakan semua peralatan asas termasuk blok permulaan kecuali galah berlombol untuk acara lompat bergalah dimana peserta dikehendaki menggunakan galah sendiri dengan syarat diserahkan kepada Pengurus Teknik terlebih dahulu untuk disahkan. Peserta-peserta tidak dibenarkan menggunakan galah peserta lain kecuali dengan mendapat kebenaran daripada tuan empunya.
- 10.3 Peserta tidak dibenarkan memakai baju yang tertera nama/logo pasukan selain dari pasukan yang diwakilinya.
- 10.4 Bagi acara berpasukan semua peserta didaftarkan untuk berlari dikehendaki memakai baju yang sama.

11 CARA MENANDA DI TEMPAT-TEMPAT PERMULAAN

- 11.1 Peserta-peserta tidak dibenarkan menggunakan kapur atau lain-lain bahan sepertinya untuk menandakan di tempat-tempat pertandingan. Mereka hendaklah menggunakan pita yang disediakan oleh pasukan masing-masing.

12. UKURAN TINGGI PERMULAAN DAN LOMPATAN SISIH

- | | | |
|-------------------------------|------------------|---------------------|
| 12.1 Acara
Lompat Bergalah | Lelaki
2.00 m | Perempuan
1.50 m |
|-------------------------------|------------------|---------------------|

- 12.2 Perempuan Terbuka Heptathlon
Ukuran permulaan 1.11 dengan penambahan 3cm setiap kenaikan.
- 12.3 Lelaki Terbuka Oktathlon
Ukuran permulaan 1.36 dengan penambahan 3cm setiap kenaikan.
- 12.4 Bagi acara lompat tinggi, ukuran tinggi latihan dan pertandingan adalah seperti berikut:
- | | | |
|------|---|--|
| L 18 | : | Latihan : 1.40 m
Pertandingan : 1.40 m; 1.45 m; 1.50 m; 1.55 m; 1.60 m; 1.64 m; 1.68 m; 1.71 m, 1.74 m, 1.77 m; dan seterusnya. |
| L 15 | : | Latihan : 1.30 m
Pertandingan : 1.30 m; 1.35 m; 1.40 m; 1.45 m; 1.50 m; 1.54 m; 1.58 m, 1.61 m, 1.64 m, 1.67 m; dan seterusnya. |
| L 12 | : | Latihan : 1.10 m
Pertandingan : 1.10 m; 1.15 m; 1.20 m; 1.25 m; 1.30 m; 1.34 m; 1.38 m, 1.41 m, 1.44 m; dan seterusnya. |
| P 18 | : | Latihan : 1.10 m
Pertandingan : 1.10 m; 1.15 m; 1.20 m; 1.25 m; 1.30 m; 1.34 m; 1.38 m, 1.41 m; dan seterusnya. |
| P 15 | : | Latihan : 1.15 m
Pertandingan : 1.10 m; 1.15 m; 1.20 m; 1.25 m; 1.30 m; 1.34 m; 1.38 m, 1.41 m; dan seterusnya. |
| P 12 | : | Latihan: 1.00 m
Pertandingan : 1.00 m; 1.05 m; 1.10 m; 1.15 m; 1.20 m; 1.24 m; 1.28 m, 1.31 m, 1.34 m; dan seterusnya. |
- 12.5 Lompatan Sisih(*Jump Off*) hendaklah dijalankan untuk menentukan pemenang pingat Emas bagi acara lompatan menegak. Jika peserta-peserta yang terlibat tidak mahu meneruskan lompatan sisi, pemenang pingat Emas akan ditentukan secara undian.

13. PAPAN LONJAKAN ACARA LOMPAT KIJANG

- 13.1 Jarak papan lonjakan dari kawasan mendarat adalah seperti berikut :

<u>Kategori</u>	<u>Lelaki</u>	<u>Perempuan</u>
18	9 m / 11 m	7 m / 9 m
15	9 m / 11 m	7 m / 9 m

14. ZON PENALTI ACARA JALAN KAKI

- 14.1 Zon penalti akan dikenakan kepada peserta yang mendapat 3 kali amaran. Masa peserta berada dalam zon penalti adalah seperti berikut :

3000 m / 5000 m	30 saat
10000 m	1 minit

15. CARA MEMUTUSKAN KEJOHANAN DAN PENENTUAN KEDUDUKAN

- 15.1 Johan keseluruhan Kontinen akan diberikan kepada kontinen yang memungut jumlah pingat emas terbanyak. Jika jumlah pungutan pingat emas adalah sama, jumlah pungutan pingat perak terbanyak akan diambil kira dan diikuti dengan pingat gangsa terbanyak.
- 15.2 Jika berlaku seri bagi pungutan pingat emas, perak dan gangsa, pungutan pingat emas terbanyak kategori bawah 18 (Lelaki + Perempuan) akan dikira sebagai pemenang. Jika jumlah pungutan pingat emas adalah sama, jumlah pungutan pingat perak terbanyak akan diambil kira dan diikuti dengan pingat gangsa terbanyak. Jika masih juga berlaku seri, pungutan pingat emas terbanyak kategori bawah 15 (Lelaki + Perempuan) akan dikira sebagai pemenang. Jika jumlah pungutan pingat emas adalah sama, jumlah pungutan pingat perak terbanyak akan diambil kira dan diikuti dengan pingat gangsa terbanyak.

- 15.3 Anugerah peserta terbaik akan diberikan untuk setiap kategori. Peserta terbaik hendaklah memenangi sekurang-kurangnya satu pingat emas individu.
- 15.4 Penentuan pemenang anugerah ini adalah berdasarkan kepada kriteria berikut dan berdasarkan kepada acara individu sahaja :
- Pemecah rekod baru berstatus (ikut ranking kejohanan). Rekod kebangsaan, rekod remaja kebangsaan, rekod MSSM dan jumlah rekod kejohanan yang diperbaharui dengan mengambil kira bilangan pingat emas, pingat perak, gangsa. Sekiranya kedudukan sama, usia rekod diambil kira.
 - Sekiranya tiada rekod yang diperbaharui, jumlah pungutan pingat emas akan diambil kira. Sekiranya pungutan pingat emas adalah sama maka pungutan pingat perak dan seterusnya gangsa akan diambil kira.
 - Sekiranya kedudukan masih sama, keputusan akan ditentukan berdasarkan jumlah pungutan mata *World Athletics scoring tables* bagi setiap pingat dalam acara yang dimenangi. (*Walaupun menggunakan ukuran tinggi dan ukuran berat yang berbeza*)
 - Bagi acara yang tiada dalam jadual mata pengiraan *World Athletics*, kiraan mata adalah seperti berikut:

Acara	Kaedah pengiraan mata
80 m Lari Berpagar	Perempuan : Catatan masa $\times \frac{5}{4}$, baca dari 100 m LP Lelaki : Catatan masa $\times \frac{11}{8}$, baca dari 110 m LP
200 m Lari Berpagar	Catatan masa $\times 2.3$, baca dari 400 m LP
Oktatlon	Catatan mata $\times \frac{5}{4}$, baca dari Dekatlon

- Olahragawan dan olahragawati kejohanan akan dipilih dikalangan peserta terbaik kategori lelaki dan perempuan.
- Segala keputusan penentuan peserta terbaik adalah ditentukan oleh Juri Rayuan kejohanan.

16. SEPARUH AKHIR

- 16.1 4 Separuh akhir : Pemenang setiap separuh akhir (Q) dan Empat (q) yang mencatat masa terpantas layak memasuki peringkat akhir
- 16.2 3 Separuh Akhir : Dua peserta terbaik (Q) daripada tiap-tiap Separuh Akhir dan dua lagi peserta yang mencatat masa terbaik (q) daripada ketiga-tiga Separuh Akhir layak memasuki peringkat Akhir.
- 16.3 2 Separuh Akhir : Tiga peserta terbaik (Q) daripada tiap-tiap Separuh Akhir dan dua lagi peserta yang mencatat masa terbaik (q) daripada kedua-dua Separuh Akhir layak memasuki peringkat Akhir.
- 16.4 Sekiranya bilangan peserta yang mencatat masa terbaik lebih daripada bilangan yang dihadkan ada para 16.1, 16.2 dan 16.3, maka penentuan kelayakkan akan bergantung kepada kedudukan peserta. Jika berlaku kedudukan yang sama cabutan undi akan dibuat oleh Juri Rayuan.
- 16.5 Semua pengundian lorong dan giliran akan dijalankan mengikut peraturan *World Athletics* yang berkuatkuasa.

17. HURUF-HURUF PENGENALAN KONTINJEN (BIB)

17.1 Kod Sekolah Menengah

1. SMK LEDANG	: ML 1-50
2. SMK TUN MAMAT	: TM 1-50
3. SMK SERI TANGKAK	: ST 1-50
4. SMK SAGIL	: MS1-50
5. SMK PEI HWA	: PH 1-50
6. SM PEI HWA PERSENDIRIAN	: PP 1-50
7. SMK TENGKU MAHMUD ISKANDAR	: TG 1-50
8. SMK BUKIT GAMBIR	: MG1-50
9. SMK TUN SRI LANANG	: SL 1-50
10. SMK PESISIRAN PERDANA	: MP 1-50
11. SMK TENGKU TEMENGGUNG AHMAD	: TA 1-50
12. SM SAINS MUAR	: SN 1-50
13. SMK PARIT BUNGA	: PB 1-50
14. SMA LOGATUQURAN	: LQ 1-50
15. SMA SHAMSUDDINIAH	: SA 1-50
16. SMA LOGATULARABIAH	: LA 1-50
17. SMA DARULULUM	: DA 1-50

17.2 Kod Sekolah Rendah

1. SK SRI TANGKAK	: TS
2. SK P (BANDAR)TANGKAK	: BT
3. SK BUKIT KANGKAR	: BK
4. SK BUKIT BANJAR	: BB
5. SK BUKIT GAMBIR	: BG
6. SK BELEMANG	: BL
7. SK BEKOH	: BE
8. SK BUKIT RAHMAT	: BR
9. SK RKT SRI LEDANG	: SE
10. SK DURIAN CONDONG	: DC
11. SK GERSEK	: GK
12. SK KUNDANG ULU	: KU
13. SK PARIT KASAN	: PK
14. SK PANTAI LAYANG	: PL
15. SK PAYA MAS	: PM
16. SK PENGKALAN BESAR	: PA
17. SK PENCHU	: PU
18. SK RAWANG	: RA
19. SK PUTERI LEDANG	: PD
20. SK SIMPANG LIMA PEKAN	: SP
21. SK SIMPANG LIMA DARAT	: SD
22. SK SAGIL KAMPONG	: SK
23. SK SAWAH RING	: SR
24. SK SEROM 3	: SC
25. SK SEROM 4	: SF
26. SK SEROM 5	: SU
27. SK SEROM 6	: SH
28. SK SEROM 8	: SM
29. SK SENGKANG	: SG
30. SK SIALANG	: SS
31. SK SERI JAYA	: SJ
32. SK TELUK RIMBA	: TR
33. SK ABDULLAH	: AB
34. SK LEDANG	: LD
35. SK KESANG TASIK	: KT
36. SK SERI MAAMOR	: MR
37. SJKC BEKOH	: BH
38. SJKC CHI MING 1	: CM

39. SJKC CHI MING 2	: CN
40. SJKC CHIAN KUO	: CK
41. SJKC CHIN JU	: CJ
42. SJKC CHUNG HWA BELEMANG	: CA
43. SJKC CHUNG HWA SEROM 3	: CH
44. SJKC KUNG YU	: KY
45. SJKC NAN HWA	: NH
46. SJKC PAI ENG	: PE
47. SJKC SAN YU	: SY
48. SJKC KEBUN BARU	: RB
49. SJKC CHEE CHUIN SAGIL	: HE
50. SJKC LIAN HWA	: LH
51. SJKC KHAY HIAN	: KH
52. SJKC CHUNG HWA SG.SENDUK	: CW
53. SJKC CHUNG HWA ASAHDN	: CD
54. SJKC PEI HWA SG. MATI	: PS
55. SJKC KOK BENG SENGKANG	: KB
56. SJKT SIALANG	: TL
57. SJKT LADANG TANAH MERAH	: LT
58. SJKT LADANG TANAH MERAH	: LT
59. SJKT LADANG SAGIL	: LS
60. SJKT LADANG BEKOH	: LE
61. SJKT LADANG TANGKAH	: LG
62. SK PARIT BUNGA	: PT
63. SK KESANG TASIK	: KT
64. SK KESANG	: KS
65. SJKT LADANG NORDANAL	: LN
66. SJKC PUI NAN	: PN
67. SK TANJUNG GADING	: GD

17.3 Warna kain adalah seperti berikut:

- 17.2.1 Lelaki dan Perempuan bawah 18 tahun : PUTIH
- 17.2.2 Lelaki dan Perempuan bawah 15 tahun : KUNING
- 17.2.3 Lelaki dan Perempuan bawah 12 tahun : MERAH JAMBU

17.4 Ukuran kain : 26 cm x 15 cm

17.5 Ukuran Nombor :	Tinggi Huruf / Nombor : 13 cm
	: Lebar Huruf / Nombor : 5 cm - 6 cm
	: Tebal Huruf / Nombor : 1.0 cm - 1.5 cm

18. BANTAHAN & RAYUAN

- 18.1 Segala bantahan hendaklah dibuat mengikut Peraturan Teknikal World Athletics 2025 (Perkara 8).
- 18.2 Jika masalah bantahan berkenaan dengan kelayakan (status) seseorang peserta tidak dapat diselesaikan dengan memuaskan sebelum pertandingan dimulakan, maka peserta tersebut boleh mengambil bahagian dibawah bantahan, dan perkara tersebut akan dikemukakan kepada MSS Johor kelak.
- 18.3 Bantahan-bantahan berhubung dengan acara-acara yang sedang dijalankan hendaklah dilakukan dengan serta-merta dan tidak lewat daripada:
 - a) 15 minit setelah keputusan rasmi di paparkan di web rasmi kejohanan bagi acara-acara pusingan awal.
 - b) 30 minit setelah keputusan rasmi di umumkan bagi acara-acara peringkat Akhir.
 * Pihak Jawatankuasa teknikal akan mencatatkan masa selepas keputusan rasmi di muat naik ke web keputusan rasmi kejohanan.

- 18.4 Sebarang bantahan bertulis kepada Juri Rayuan mesti disertakan dengan wang pertaruhan sebanyak RM 200.00 (**Ringgit Malaysia: DUA RATUS SAHAJA**) **untuk acara individu dan RM 300.00 (Ringgit Malaysia: TIGA RATUS SAHAJA)** untuk acara berpasukan. Menang atau kalah wang pertaruhan tidak akan dikembalikan

19. HAK-HAK JAWATANKUASA PENGELOLA

- 19.1 Tiap-tiap acara akan dijalankan mengikut tarikh dan masa yang telah ditetapkan, tetapi Jawatankuasa Pengelola, dengan persetujuan Pengerusi Teknik Olahraga MSSD TANGKAK, berhak meminda susunan acara jika difikirkan perlu. Jika berlaku pemindaan, Pengurus-Pengurus Pasukan akan diberitahu kemudian.
- 19.2. Jawatankuasa Pengelola berhak memutuskan sebarang perkara yang tidak tersedia dalam Peraturan-Peraturan Am MSSJ atau Undang-Undang World Athletics.

20. HAL-HAL LAIN

- 20.1 Tempat khas hendaklah disediakan untuk peserta-peserta dan pegawai. Orang yang tidak berkenaan DILARANG masuk ke tempat-tempat khas tersebut.
- 20.2 Selain pegawai-pegawai teknik yang bertugas dan peserta-peserta yang mengambil bahagian, **TIDAK SESIAPA PUN DIBENARKAN MASUK KE DALAM ARENA PERTANDINGAN.**
- 20.3 Jawatankuasa Pengelola tidak bertanggungjawab ke atas kemalangan, kematian, kecacatan anggota, kehilangan anggota badan / harta benda atau sebarang kecederaan lain yang berlaku:
 - 20.3.1 semasa perjalanan pergi dan balik ke tempat pertandingan.
 - 20.3.2 semasa kejohanan dijalankan.
 - 20.3.3 di dalam dan di luar kawasan pertandingan.
 - 20.3.4 di tempat-tempat penginapan dan bilik rehat.
- 20.4 Jawatankuasa pengelola juga tidak bertanggungjawab atas kehilangan barang-barang kepunyaan pegawai atau peserta di dalam atau disekitar tempat pertandingan dan di tempat penginapan.
- 20.5 Walau bagaimanapun, pihak Pengelola Kejohanan akan berusaha untuk mengambil langkah-langkah bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan peserta dan pegawai terjamin setakat mana yang munasabah.